

22/11/2003

Dr M sedia jadi penasihat Petronas

Norbakti Alias; Johari Ibrahim

ALOR STAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau bersedia jika dilantik sebagai Penasihat Petronas, syarikat petroleum milik negara jika ditawarkan.

Beliau berkata, pelantikan bekas Perdana Menteri sebagai Penasihat Petronas pernah dilakukan sebelum ini apabila Allahyarham Tun Hussein Onn dilantik ke jawatan itu.

"Penasihat bolehlah. Dulu pun Tun Hussein penasihat juga," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini semalam, sejurus sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau belum menerima surat tawaran bagi jawatan itu daripada Petronas sehingga ini.

"Saya akan periksa...saya tidak terima apa-apa surat, mana saya tahu," katanya.

Petronas dikatakan sudah mengeluarkan surat tawaran sebagai Penasihat kepada Dr Mahathir semalam.

Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berada di Kedah untuk lawatan ke kawasan Parlimen Kubang Pasu, lawatan kali kedua sejak melepaskan jawatan pada 31 Oktober lalu. Beliau adalah Ahli Parlimen Kubang Pasu dan Ketua Umno bahagian Kubang Pasu.

Terdahulu, ketika melawat Hospital Jitra untuk menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri, Dr Mahathir diberi penghormatan oleh dua keluarga untuk menamakan bayi mereka.

Siti Khatijah Mohd Zaidi dan Nurhafizah Abdul Malik pastinya boleh berbangga kerana nama mereka diberikan oleh Dr Mahathir selepas diminta berbuat demikian oleh ibu bapa mereka.

Dr Mahathir yang nampak terkejut dengan permintaan itu, mengambil masa beberapa minit untuk berbincang dengan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah sebelum memilih nama itu.

Ibu bapa Siti Khatijah yang namanya dipilih sempena nama isteri pertama Nabi Muhammad, berkata mereka gembira dengan nama pilihan Dr Mahathir.

Mohd Zaidi Hamzah, 26 dan isterinya, Siti Hajar Mohd Zaidi, 19, dari Bukit Pinang, dekat sini, berkata mereka belum memutuskan nama yang sesuai untuk bayi mereka yang dilahirkan Isnin lalu.

"Kami mempunyai beberapa nama dan apabila Dr Mahathir tiba dan bertanya mengenai anak saya, saya memintanya untuk menamakan bayi itu," kata Siti Hajar.

Bagi keluarga Nurhafizah yang dilahirkan petang semalam, mereka bangga kerana anak keempat mereka dinamakan oleh Dr Mahathir.

Abdul Malik Ibrahim, 32, dan Nurshidah Saad, 31, dari Kampung Padang Sejara, Titi Gajah, dekat sini, berharap anak mereka akan berjaya dan menjadi pemimpin yang hebat.